

26 JUN 1996

Nasir-Larangan

LARANGAN TERHADAP KARYA M.NASIR DITAMATKAN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Larangan terhadap penyiaran karya penyanyi-komposer M. Nasir oleh media elektronik, yang dikenakan 10 hari lepas berikutan dakwaan artis itu telah menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ditamatkan berkuatkuasa 1 Julai.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat membuat keputusan itu selepas menimbang setiap fakta yang diperolehi dalam siasatan lanjut yang diarahnya sekembali beliau dari luar negara awal minggu ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin dalam satu kenyataan hari ini berkata keputusan menteri itu dibuat demi kepentingan artis-artis lain yang terbabit dengan karya Nasir.

Tindakan "gam" terhadap Nasir diumumkan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed pada 16 Jun berikutan laporan Utusan Malaysia bahawa Nasir telah menghina Dr Mahathir dengan ungkapan "Siapa Mahathir."

Nasir telah menafikan yang beliau pernah mengeluarkan ungkapan itu.

Zawawi telah mengadakan pertemuan berasingan dengan Nasir pada 24 Jun dan dengan wartawan Utusan Malaysia yang terbabit semalam.

"Nasir menafikan bahawa beliau ada mengeluarkan ungkapan tersebut, sama ada dalam satu temuramah dengan Utusan Malaysia semasa raptai Malam Puisi (anjuran Kumpulan Utusan) mahupun pada bila-bila masa sebelum itu, sama ada secara terbuka atau tertutup," kata beliau.

"Sebaliknya pula, wartawan akhbar Utusan Malaysia telah menegaskan bahawa sememangnya M. Nasir ada mengeluarkan ungkapan +Siapa Mahathir+ dalam perbualan telefon antara kedua-duanya pada 2 Mei 1996. Wartawan Utusan amat tegas dalam penjelasannya dan sanggup bersumpah."

Katanya Nasir mengakui ada dihubungi melalui telefon oleh wartawan akhbar Utusan berkenaan.

Zawawi berkata oleh kerana tidak ada pihak ketiga yang mendengar butiran perbualan telefon itu, adalah amat sukar bagi kementerian memastikan siapa yang bercakap benar.

"Setelah mengkaji segala keterangan, kementerian ini berpendapat isu ini adalah masalah di antara M. Nasir dengan Utusan. Terpulanglah kepada Nasir dan pihak akhbar Utusan untuk mencari kebenaran dan menyelesaikan masalah daripada segi dakwaan ini," kata beliau.

Kementerian Penerangan bagaimanapun mengingatkan semua pihak yang terbabit dalam bidang penyiaran supaya tidak melampaui batas kesusilaan.

Zawawi berkata kementerian tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya mengikut kod etika yang diterimapakai di kementerian.

"Ini adalah kerana andaikata seseorang artis itu sudah berjaya, beliau tidak perlu mempunyai perasaan tinggi diri, ego dan berkepentingan sendiri sahaja tanpa memikirkan orang lain atau masyarakat amnya.

"Para artis hendaklah akur kepada prinsip kebertanggungjawaban dan mempunyai tanggungjawab sosial," kata beliau. -- BERNAMA

AZZ NMO